



LAPORAN TINDAKAN
MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL 11 2019/2020

TARIKH : 28 JULAI (SELASA)
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : SECARA DALAM TALIAN (WEBEX)

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	LAPORAN /TINDAKAN
1.0	ALUAN PENERUSI		
	1.5 Cadangan Gerak Kerja Fakulti Fakulti diminta menyenarai dan menentukan kaedah pembelajaran sepertimana 3 kaedah yang dicadangkan pada perkara 1.4.3 untuk setiap kursus-kursus yang akan ditawarkan pada semester I -sesi 2020/2021 ini. Mandat diberi kepada fakulti untuk kaedah PnP yang sesuai untuk ditawarkan bagi Semester I sesi 2020/2021. Fakulti dibenarkan untuk <i>overruled</i> pensyarah dalam kaedah memastikan PnP dijalankan dengan baik. Mohon fakulti untuk dapatkan input yang sesuai dari Pensyarah-pensyarah dan kaedah yang terbaik. Pejabat TNCAA akan menghubungi fakulti dan akan mengemaskini maklumat di dalam MyUTM. Pemakluman kepada pelajar untuk kembali ke kampus akan dibuat oleh pihak Universiti.	Tindakan : Semua Fakulti	Diketika ini sepatutnya fakulti telah sedia ada senarai edaran untuk penawaran dan pelaksanaan kursus dan serta penetapan mod pelaksanaan bagi semester I sesi 2020/2021.

	Berikut Ringkasan Maklumat Mengenai Cadangan Gerak Kerja Fakulti: 26 Julai-21 Ogos 2020 : Penentuan kaedah PnP mengikut kursus bagi setiap program yang bakal ditawarkan pada semester II sesi 2020/2021 (Perbincangan di pihak Pengarah Program dan Penyelaras Program dan kemudiannya perlu mendapat input dari pensyarah dalam menetapkan kaedah PdP berkaitan). 23 Ogos-28 Ogos 2020 : Senarai edaran untuk pelaksanaan kursus dan mod pelaksanaan bagi semester I 2020/2021. 1 Sept – 4 Sept 2020 : Hebahan kepada pelajar di MyUTM. 6 Sept – 11 Sept 2020 : Semakan dan pengesahan pelajar di MyUTM. Pelajar boleh menyatakan persetujuan/masalah yg dihadapi dengan cadangan pelaksanaan ini. Fakulti perlu mengambil tindakan sewajarnya sekiranya masalah tersebut diutarakan secara rasmi.		
	1.7 Program Pesisir 1.7.2 Agihan Kewangan Adalah dimaklumkan bahawa pengagihan kewangan pesisir adalah mengikut peraturan berikut:		

	a) Fakulti 40% b) Universiti 30% c) SPS 15% d) SRAD 10% e) AMD melalui JTNCAA 5% Jumlah agihan sebenar (Ringgit Malaysia) yang diterima kebelakangan ini didapati menurun kerana terdapat ramai pelajar yang masih berhutang. Pihak SPS sedang menghubungi pelajar dan menuntut mereka agar melunaskan hutang pelajaran mereka. Pelajar juga dibenarkan membuat bayaran secara ansuran sehingga akhir Disember 2020.	Tindakan: Urusetia Pesisir, SPS	Akan dilaporkan dalam sesi perbincangan/agenda mesyuarat JAPSU bil. 12 – 2019/2020.
	1.7.3 Status Pelajar Program Pesisir Kesan akibat Covid-19 ini menyebabkan ramai pelajar menangguhkan pengajian. Seramai 202 orang pelajar memohon dan diluluskan penangguhan pengajian yang terdiri daripada 23 program pengajian. Walaupun pelajar tersebut menangguhkan pengajian, kos pengendalian program tetap sama dan program tetap berjalan walaupun hanya 15 pelajar sahaja. Sehubungan dengan itu, Penyelaras program pesisir adalah sangat penting dalam membantu membuat plan pengajian bagi pelajar-pelajar tersebut. Unit Pesisir SPS juga telah meminta kerjasama semua penyelaras untuk menyusun pelajar- pelajar untuk mengoptimumkan penggunaan sumber dan kos ini. En. Asram bin Sulaiman, Timbalan Pendaftar Kanan Fakulti Kejuruteraan meminta pengesahan samada penyelaras yang berkaitan telah dipanggil untuk	Tindakan : Semua Fakulti	Dalam Tindakan fakulti-fakulti

	berbincang mengenai kaedah pembayaran dengan pihak Bendahari. Pengerusi memaklumkan bahawa perbincangan tersebut telah dibuat dan hasil perbincangan tersebut memutuskan bahawa pelajar dibenarkan untuk mendaftar tanpa dikenakan bayaran kerana bayaran tersebut telah diambilkira di dalam pembayaran keseluruhan program ini.		
	1.7.4 Penajaan Pascasiswazah Pengerusi meminta semua fakulti berkongsi maklumat kepada pelajar berkaitan penajaan biasiswa oleh pihak MDEC dibawah pelaksanaan Kerjasama diantara UTM-MDEC. Yuran sarjana secara penyelidikan diberikan pengecualian sebanyak RM5,060 dan pelajar hanya perlu membayar bakinya sahaja sebanyak RM9,560. Syarat tambahan yang ditetapkan oleh MDEC adalah pelajar perlu mencari <i>Industry Partner</i> yang sanggup memberikan elaun sebanyak RM2,500 kepada pelajar dan biasiswa ini hanya terbuka bagi 10 calon pelajar sahaja. Bagi pelajar yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut di web sps.utm.my/myindustryAI	Tindakan : Semua Fakulti	Makluman / hebahan melalui saluran berkaitan oleh fakulti-fakulti.
3.0	STATUS SEMAKAN KURIKULUM PASCASISWAZAH		
	3.3 Isu Berkaitan Semakan Kurikulum i. Pada tahun 2014 konsolidasi program-program telah dibuat oleh SPS dan telah diluluskan oleh pihak KPT. Walau bagaimanapun, hanya lulus sehingga konsolidasi sahaja dan tidak sampai ke peringkat MQR. Di peringkat MQR masih terpisah sebagai individual program. Pada tahun 2016 pihak AMD telah membuat kertas kerja untuk menambah bidang penyelidikan di	Tindakan : Urus Setia PSP, SPS & QRIM	

	dalam skrol pelajar dan telah disemak oleh pihak QRIM ianya tidak didaftar di MQR. Ada beberapa perkara yang perlu diambil tindakan bersama oleh pihak QRIM bagi memastikan proses pemutihan program dapat dijalankan dan diselesaikan. Terdapat 65 proram di KPT yang akan dibuat proses pemutihan. ii. Dr Norah juga memaklumkan akan membuat satu kertas kerja berkaitan pemakluman konsolidasi yang berlaku dan memaklumkan semakan konsolidasi kali ini akan dibuat semakan kurikulum.		Status terkini dan yang berkaitan akan di laporkan di dalam sesi perbincangan JAPSU bil 12-2019/2020.
6.0	PELANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH (PhD) - NOTIS HANTAR TESIS (NHT)		
	Pengerusi telah membentangkan cadangan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah untuk setiap fakulti berdasarkan perakuan dari JKAF masing-masing dan memperbetulkan sedikit pindaan dan seterusnya mesyuarat bersetuju dengan senarai untuk semua perlantikan yang diluluskan di bawah perenggan/perkara 6.0 pada minit mesyuarat ini.	Tindakan : SPS & Fakulti	Kesemua pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah yang diluluskan pada mesyuarat ini telah diambil Tindakan untuk pengeluaran surat lantikan oleh pihak SPS.
7.0	PELANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR SARJANA - NOTIS HANTAR TESIS (NHT)		
	Pengerusi telah membentangkan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana untuk setiap fakulti berdasarkan perakuan dari JKAF dan seterusnya mesyuarat bersetuju dengan senarai untuk semua perlantikan yang diluluskan di bawah perenggan/perkara 7.0 pada minit mesyuarat ini.	Tindakan : Fakulti	Kesemua perlantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana telah dan sedang dalam Tindakan oleh pihak fakulti.
12.0	PERMOHONAN PENGECEUALIAN/PENGURANGAN YURAN		

	Mesyuarat telah bersetuju dengan keputusan-keputusan terhadap permohonan berikut: 12.1 TIDAK MELULUS rayuan permohonan Pengecualian Yuran Pelajaran Program PhD untuk Staf UTM bernama Noraimi bin Shafie (No Pekerja 8341)(FTIR) bagi semester pengajian yang dinyatakan. Pelajar merupakan staf UTM yang telah mendapat kelulusan cuti belajar sepenuh masa dan mendapat SLAB. 12.2 MELULUSKAN permohonan Pengurangan 50% Yuran Pelajaran bagi Anak Staf bagi semester pengajian yang dinyatakan untuk pelajar berikut: 12.2.1 Muhammad Amri bin Mazlan MKM170316 (SKM) 12.2.2 Muhammad Azfar bin Noordin PKM183043 (SKM)	Tindakan : SPS	Pemakluman keputusan ini telah dimajukan ke Jabatan Bendahari. Pelajar telah diberi pemakluman dan emel.
13.0	HAL-HAL LAIN		
	13.1 Pengerusi berharap selepas diadakan Mesyuarat Penyediaan Jadual Semester I 2020/2021 diperingkat fakulti, tiada lagi masalah atau kesilapan dilakukan. Setelah pelajar telah mendaftar, sekiranya terdapat perubahan ianya akan memberi masalah kepada pelajar. Perlu meminimalkan pertukaran jadual dan pemakluman di saat-saat akhir.	Tindakan : Semua Fakulti	Dalam Tindakan

